

SOALAN NO. 496

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan dengan terperinci bilangan penerima bantuan JKM mengikut pecahan jenis bantuan, jantina, etnik dan negeri dari tahun 2008 sehingga Jun 2017.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui JKM menyampaikan perkhidmatan bantuan kebajikan di Seluruh Negeri Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Labuan. Teras utama perkhidmatan bantuan kebajikan iaitu bantuan kewangan kebajikan disalurkan kepada kumpulan sasar yang terdiri dari pelbagai etnik dan jantina.

Berdasarkan statistik, bilangan penerima bantuan meningkat dari tahun 2008 sehingga Jun 2017. Pada tahun 2008 bilangan penerima bantuan adalah seramai **221,602** meningkat kepada **483,637** pada Jun 2017. Negeri yang mencatat bilangan tertinggi penerima bantuan pada tahun 2008 iaitu **Negeri Pahang** seramai 36,600 kes dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM17,390,314. Manakala pada Jun 2017 negeri yang mencatat bilangan penerima bantuan tertinggi iaitu **Negeri Sabah** seramai 56,950 dengan

jumlah perbelanjaan sebanyak RM81,217,850. Bilangan penerima bantuan ini terdiri daripada penerima semua skim bantuan yang ditawarkan oleh JKM iaitu bantuan bulanan kebajikan dan bantuan sekaligus.

Pada tahun 2008, **Bantuan Am** mencatat bilangan penerima paling ramai iaitu seramai 107,979 kes. Manakala pada Jun 2017, **Bantuan Orang Tua** mencatat bilangan penerima paling ramai iaitu 136,449 kes.

Manakala, bilangan penerima bantuan mengikut etnik paling ramai pada tahun 2008 adalah etnik **Melayu** seramai 147,325 kes dan berterusan sehingga Jun 2017 kepada angka 264,110 kes.